



Neraka itu Nyata, Saya Telah Ke Sana!

oleh Jennifer Perez

www.DivineRevelations.info/MALAYSIAN

Kesaksian seorang gadis berusia 15 tahun yang dibesarkan dalam keluarga Kristian. Dia kemudiannya membelakangi Tuhan, mengalami overdos dadah, mati dan menuju ke Neraka. Nasibnya berubah apabila dia diberikan peluang kedua dengan misi untuk kembali serta memberi amaran kepada yang hilang arah, yang membelakangi jalan Tuhan dan yang hidup suam-suam kuku dengan sebuah mesej penting.


(Ditranskrip dari Audio)

Tuhan memberkatimu wahai saudara-saudaraku. Saya mahu anda semua membuka Alkitab anda pada [Yoel 2:28](#)

"kemudian dari pada itu akan terjadi, bahwa Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia, maka anak-anakmu laki-laki dan perempuan akan bernubuat; orang-orangmu yang tua akan mendapat mimpi, teruna-terunamu akan mendapat penglihatan-penglihatan."

Namaku Jennifer Perez dan berusia 15 tahun. Amat sukar untuk seorang remaja seperti saya untuk berdepan dengan anda semua dan menyebutkan segala kesalahan diri. Tapi dengan pertolongan Roh Kudus, Dia akan menolong dan memberikan segala kekuatan yang saya perlukan. Pertama sekali, apa yang saya nyatakan di sini adalah untuk Hormat dan Kemuliaan Tuhanku Yesus Kristus. Saya tidak akan menyebutkan sebarang doktrin ataupun mencipta doktrin baru, tapi hanya akan memberitahu apa yang saya telah lihat, dengar dan rasai.

Saya mahu memberitahu sedikit tentang latar belakang keluarga saya. Kedua orang tua saya Kristian dan mereka sentiasa mengajarkan perkara yang baik, sesuai seperti di jalan Tuhan. Saya menjadi seorang Kristian 3 tahun yang lalu, ketika saya menerima Yesus bersama-sama Saudara [Nicky Cruze](#). Saya berjalan di jalan Tuhan selama 2 tahun. Tetapi apabila saya memasuki sekolah menengah, saya mula memberontak dan meninggalkan jalan Tuhan. Saya melawan kedua-dua orang tua saya dan mula **Nicky Cruz** terlibat dengan dadah. Rakan-rakan telah mengajarkan perkara demikian.



Saya berfikir bahawa sebagai seorang Kristian, saya akan membimbang rakan-rakan saya menjadi Kristian. Tetapi sebaliknya, mereka telah membawa saya keluar kepada dunia. Saya memberontak terhadap kedua orang tua saya, dan mereka berfikir bahawa itu cuma sikap remaja yang biasa. Tetapi sebenarnya, saya menjadi begitu akibat pengaruh dadah. Roh jahat yang merasuki saya membuatkan saya melawan mereka. Mereka tegas terhadap saya, tidak membenarkan saya keluar sebarang, malah dilarang bermalam sekalipun di rumah kawan. Saya selalu melakukan perkara di belakang mereka secara bersembunyi. Saya selalu ponteng sekolah dan jarang bersekolah kerana ingin meneruskan perbuatan saya. Saya semakin menghampiri peringkat ketagihan, tapi Tuhan telah mengeluarkan saya dari tempat itu. Seperti yang saya katakan, saya telah menjadi seorang Kristian.

Kesaksian saya bermula pada 2hb Mei 1997. Saya hanya mempunyai seorang kawan. Persahabatan kami tidak lebih dari seorang kawan biasa. Saya menyangkakan bahawa saya telah

mengenali dengan sepenuhnya tetapi rupanya saya belum mengenali seluruhnya. Pada malam itu, dia menelefon dan mengajak saya keluar. Kedua orang tua saya telah keluar untuk Kebaktian Doa seperti setiap Jumaat selalunya. Saya memberitahu mereka saya tidak mahu pergi bersama mereka kerana kurang sihat. Saya juga marah kerana rancangan untuk saya keluar malam bersama rakan saya dihalang oleh mereka. Jadi saya meminta untuk tinggal di rumah, lalu mereka pun bersetuju. Apabila kedua orang tua saya keluar untuk menghadiri Kebaktian Doa, rakan saya menghubungi dan mengatakan, “*Kenapa kamu tak keluar juga, semua orang pun keluar?*” Saya pun berfikir, “*Saya tak mahu engkar kepada orang tua, tapi andainya saya curi-curi keluar, kedua-dua mereka pun takkan tahu juga.*” Itulah yang telah saya lakukan.

Malam itu kedua orang tua saya kembali lalu mereka tidur. Saya bersedia menyelinap keluar lalu menghubungi rakan saya agar menunggu saya di hujung lorong rumah. Saya mengingatkannya agar tidak melewati rumah saya kerana itu hanya akan membangunkan kedua orang tua saya, dan mungkin menggagalkan rancangan kami. Jadi, saya meletakkan bantal di bawah selimut, kemudian saya keluar dari tingkap. Kami tinggal di rumah dua tingkat dan semua tingkap adalah berskru. Oleh kerana kedua orang tua percayakan saya, tingkap saya tidak berskru. Saya telah mengambil kesempatan atas kepercayaan mereka. Saya melompat dari bumbung dan jatuh ke atas tanah. Tuhan telah mengatur segalanya, sebab saya berkemungkinan mengalami patah kaki, dan ini akan menghentikan rancangan yang telah Tuhan aturkan untuk saya.

Saya berjalan menyelusuri lorong dan kawan saya telah menunggu di sana. Semasa saya memasuki kereta, saya melihat 3 lelaki dan seorang perempuan. Saya berfikir, “*Saya tak mahu melakukan apa-apa, ya.. saya mahu mabuk dadah dan minum-minum saja.*” Tetapi apabila melihat 3 lelaki dan seorang perempuan bersama, saya risau mereka akan mengapa-apakan saya. Tapi saya terus masuk ke dalam kereta dan pergi. Sebelumnya, semasa kawan saya menghubungi saya di telefon, dia hanya memberitahu bahawa kami akan meronda-ronda dengan kereta mengelilingi bandar saja. Saya berkata, “*Baiklah, kedengaran macam seronok juga.*” Itulah sebabnya saya mengikut saja. Saya tak menyangka mereka akan singgah di sebuah motel. Di situlah tempatnya mereka membawa saya.

Apabila sampai, mereka meninggalkan saya dan bilik perkhidmatan dobi motel tersebut dan menyuruh kami menunggu sementara mereka menjemput rakan yang lain. Saya setuju, tetapi saya rasa mereka telah menguruskan untuk menyewa sebuah bilik motel itu. Apabila mereka kembali, mereka membawa kami untuk masuk ke bilik motel itu. Mereka mengatakan, “*Usah risau, percayalah kepada kami! Kita takkan melakukan apa-apa, kita hanya menunggu rakan lain sampai, barulah kita semua keluar.*” Saya mempercayai teman saya dan percaya bahawa dia takkan mengapa-apakan saya, tapi pada hakikatnya, saya sungguh tidak mengenali mereka sebenarnya.

Pada mulanya kami berbual saja, jadi saya berkata, “Sambil menunggu, apa kata kita minum dulu?” jadi saya dan kawan keluar menuju ke sebuah restoran kecil di hadapan motel. Kami membeli 3 Sprite kemudian kembali ke bilik. Mereka pun menuang Sprite ke dalam cawan-cawan. Mereka tidak membawa apa-apa beg dan tidak kelihatan mencurigakan yang membuatkan saya berfikir mereka akan meletakkan sesuatu dalam minuman saya, atau mengapa-apakan saya. Mereka kelihatan ikhlas saja.

Saya kemudian pergi ke tandas untuk berkemas dan apabila keluar, saya melihat cawan saya telah diisi. Saya mengunyah gula-gula getah lalu minum dari cawan itu, yang saya fikir ialah Sprite. Selepas itu, saya tidak sedar apa yang berlaku.

Apabila saya dapat melihat, saya merasakan roh saya telah keluar dari jasad. Saya telah berada di hospital dan melihat jururawat dan doktor mengelilingi saya. Apabila keluar dari jasad, saya melihat jasad saya di atas katil. Anda tahu bagaimana bila berdepan dengan cermin, anda akan melihat pantulan bayang anda. Tapi apa yang saya lihat bukanlah pantulan bayang, tapi jasad saya di atas katil. Apabila saya berpusing, saya melihat dua orang berpakaian merah berkata, “*Ikutlah kami*” dan kedua orang itu menarik tangan saya.

Mereka membawa saya ke sebuah tempat, dan saya melihat itu ialah Syurga! Benda pertama yang saya lihat ialah dinding yang besar dan menakjubkan. Ia bewarna putih dan tiada berpenghujung. Di tengah dinding itu ada sebuah pintu yang panjang, namun tertutup.

Dalam Perjanjian Lama, Musa berbicara tentang Kemah Suci dan ciri-cirinya. Saya teringat perkara itu dan melihat dinding itu serupa dengannya. Di sebelah pintu itu, ada sebuah kerusi besar, dan sebuah kerusi kecil di sebelahnya. Ia kelihatan diperbuat daripada emas. Pada sebelah kanan saya, ada sebuah pintu bewarna hitam dan sekelingnya amat gelap tapi saya tahu itu adalah sebuah pintu kerana ada tombolnya. Pintu itu amat hodoh rupanya. Tapi pada sebelah kiri saya adalah Syurga, ada pepohon, air terjun kristal, rerumput. Ia adalah sebuah tempat yang tenang, namun tiada orang kelihatan di sana.

Saya melihat Bapa di hadapan saya. Saya tidak dapat melihat wajah-Nya kerana kemuliaan-Nya menyebabkan ia amat besar, terang dan menyinari seluruh Syurga. Kemuliaan-Nya menyinari segalanya. Tiada matahari, bulan dan bintang, hanya Dialah cahaya. Saya melihat tubuh-Nya, dan tubuh-Nya bersama dengan Anak-Nya, Mereka ada di dalam keduanya, mereka bersama-sama, kita dapat melihat Mereka berasingan, tapi mereka di dalam satu sama lain, mereka ialah satu tubuh.

Di sebelah mereka ada 2 malaikat iaitu Gabriel dan Michael. Saya mengetahui kerana nama mereka tertulis dengan Emas pada dahi mereka.

Saya merasakan diri amat kotor bila berhadapan dengan Bapa! Saya bersujud dan menangis. Saya berasa amat malu. Walaupun saya dapat melihat wajah Mereka, saya enggan melihat kerana amat malu dengan keadaan diri ini. Semasa saya di hadapan Tuhan, Dia menyiarkan kisah hidup saya dari permulaan sehingga saat itu. Dia menyatakan perkara penting yang telah saya lakukan selepas saya diselamatkan. Saya telah memberitahu rakan-rakan bahawa saya seorang Kristian, namun saya tidak berbuah. Dia kemudiannya memberitahu bahawa saya telah ditakdirkan menuju ke Neraka.

Malaikat Gabriel kemudian mengambil tangan saya lalu membawa saya ke pintu yang buruk dan hitam itu. Saya cuba berhenti tapi oleh kerana saya dalam keadaan roh, kami menembusi pintu itu. Kami kemudiannya berada di balik pintu itu. Suasana sangat gelap sehinggakan saya tidak dapat melihat diri sendiri. Krmudian kami mula jatuh dengan pantas,

seperti sebuah roller coaster. Semakin saya jatuh, suasana semakin panas. Saya pejamkan mata kerana saya tidak ingin melihat tempat di mana saya berada.

Apabila kami berhenti, saya membuka mata dan saya dapati saya berdiri di sebuah jalan yang besar. Saya tidak pasti jalan ini menuju ke arah mana. Tapi perkara pertama yang saya rasai ialah dahaga. Saya berasa amat dahaga! Saya asyik memberitahu kepada malaikat itu, “*Saya dahaga, saya dahaga*,” tapi seakan-akan dia tidak mendengarkan saya. Saya mula menangis, dan bila airmata mula menuruni pipi, ia segera tersejat. Terasa ada bau sulfur, seakan bau tayar yang terbakar. Saya cuba menutup hidung, tapi ia membuatkan semakin teruk. Kesemua 5 deria saya amat sensitif. Apabila saya menutup hidung, bau sulfur menjadi semakin kuat. Kemudian bulu-bulu rompa pada lengan saya telah lenyap. Saya merasakan kepanasan, dan ia amatlah panas.

Di sekeliling, saya melihat orang disiksa oleh iblis. Ada seorang wanita disiksa oleh iblis dengan memotong kepala wanita itu dengan lembingnya dan menikam-nikamnya. Iblis itu tidak kisah. Ia mencucuknya pada mata, badan, kaki, tangan dan di mana-mana bahagian badan wanita itu, ia tidak peduli. Iblis itu kemudian meletakkan kembali kepala kepada badan wanita itu dan menikamnya semula bertalu-talu. Wanita itu menjerit dengan penuh kesakitan yang teramat sangat.

Kemudian saya melihat satu lagi iblis. Ia menyeksa seorang pemuda yang kelihatan berusia lingkungan 21-23 tahun. Pemuda ini dirantai pada lehernya dan berdiri di hadapan lubang yang berapi. Iblis ini kemudian menikamnya di serata tubuh, di matanya dengan lembing. Kemudian iblis itu menariknya di rambut dan rantai di lehernya serta menghumbangkan pemuda itu ke dalam lubang berapi. Kemudian iblis itu mengeluarkan pemuda itu dari lubang dan mula kembali menikamnya tanpa henti. Kejadian ini berlaku berterusan dan setiap kali ia dihumbangkan ke dalam lubang, saya tidak dapat mendengar jeritannya. Tapi apabila iblis mengeluarkannya untuk ditikam lagi, saya dapat mendengar jeritannya yang penuh dengan kesakitan. Saya cuba menutupi telinga saya kerana kedengaran amat dahsyat namun saya masih mampu mendengar. Pendengaran saya amat sensitif.

Saya melihat ada satu lagi iblis, lebih hodoh dari kedua-dua yang sebelumnya. Ia kelihatan seperti rupa gabungan beberapa binatang, saya tidak dapat menerangkan dengan kata-kata. Ia akan berjalan dan menakut-nakutkan orang di sekelilingnya. Orang di sekeliling juga amat takutkannya.

Kemudian saya melihat satu lagi iblis, tapi iblis ini amat cantik dan indah serupa malaikat Tuhan, tapi ia bukanlah malaikat. Perbezaan antara malaikat Tuhan dan iblis ialah iblis tidak mempunyai nama yang tertulis dengan Emas di dahi, seperti malaikat Tuhan.

Saya melihat malaikat Gabriel mendongak. Saya berpendapat bahawa dia tidak sanggup melihat penyiksaan dilakukan ke atas orang-orang. Saya berfikir, “*Kenapa dia masih di sini? Adakah saya perlu menunggu giliran saya untuk disiksa?*” Saya juga berasa dahaga. Saya merayu kepada malaikat itu, “*Saya dahaga, saya dahaga!*” Saya rasakan dia mendengar kata-kata saya kerana dia kemudian tunduk melihat saya lalu berkata, “*Tuhan akan memberikan kamu satu lagi peluang*”.

Tatkala dia mengucapkan ayat-ayat itu, segala dahaga, kepedihan dan kesakitan saya telah lenyap. Saya berasa sungguh damai. Kemudian dia mengambil tangan saya dan mula untuk bangkit, tiba-tiba saya terdengar nama saya dipanggil, “*Jennifer, Tolong saya, tolong saya!*” Saya melihat ke bawah. Saya ingin melihat siapa gerangannya tapi wajahnya dilitupi nyalaan api. Ia seakan-akan suara perempuan. Saya hanya dapat melihat tangannya menghulur keluar. Saya amat ingin menolong tapi malangnya apabila saya ingin menarik tangannya keluar, tangan saya terus menembusi tangannya. Saya amat teringin menolongnya tapi seperti yang anda lihat, dia tiada harapan lagi. Saya tidak mampu menyelamatkannya.

Apabila saya memandang sekeliling, saya melihat rakan-rakan saya, orang-orang yang saya kenali serta beberapa yang lain. Mereka seakan-akan saya kenali namun saya tidak tahu siapa mereka. Saya tidak tahu kehidupan mereka tapi apabila saya melihat rakan sekolah saya di sana, saya terluka! Saya berfikir, “*Mungkin kesaksian yang tidak baik telah saya berikan kepada mereka, yang mengatakan bahawa saya seorang Kristian tapi berpaling, membuatkan mereka tidak mahu tahu tentang Tuhan, dan berpaling dari-Nya. Mungkin sayalah yang membawa mereka ke sini*”. Itulah yang di dalam fikiran saya. Saya melihat di Neraka tiada waktu, tiada masa lalu, sekarang dan masa depan, semuanya sama, mereka ditakdirkan menuju ke sana. Tapi seperti yang saya nyatakan pada mula-mula, saya tidak membuat sebarang doktrin, tapi itulah yang saya lihat di sana. Mereka yang telah saya lihat di sana masih hidup pada hari ini.

Kemudian malaikat membawa saya kembali ke hadirat Tuhan. Saya bersujud di hadapan-Nya sambil menangis teresak-esak. Saya masih tidak mahu memandang wajah-Nya kerana malu dengan keadaan diri ini. Namun Tuhan bersuara dengan penuh kasih mengatakan, “**Aku mengasihi mu.**” Seperti juga dia mengasihi anda yang sedang mendengarkan saya sekarang. Tapi Dia mengucapkan itu terus kepada saya. Dia juga mengatakan bahawa Dia mengampuni saya atas segala yang telah saya perbuat kepada-Nya. Dia telah mengampuni saya.

Tuhan memandang saya dan memperlihatkan banyak perkara. Dia menunjukkan bumi, dunia. Di sekeliling dunia, saya melihat sesuatu yang lembut, seperti lapisan ozon yang melapisi, ia kelihatan amat lembut dan saya terniat untuk menyentuhnya. Apabila saya menyentuhnya, saya sedar bahawa itu ialah Roh Kudus dan kerana Ia telah membaptis saya, saya mula berbahasa lidah.

Pada saat itu, saya melihat banyak roh jahat telah keluar dari saya. Apabila saya khayal oleh dadah, keadaan ini akan mengganggu fikiran saya dan membukakan pintu untuk roh-roh jahat ini memasuki saya. Mereka akan menyeksa saya. Kelakuan saya selama ini rupa-rupanya telah dipengaruhi oleh roh-roh jahat tersebut. Firman Tuhan mengatakan apabila rumah kita dibersihkan, roh jahat yang keluar tadi akan berusaha kembali dengan 7 lagi roh jahat yang lain. Rumah saya telah dibersihkan semasa saya diselamatkan. Apabila saya dibaptis, roh jahat keluar dari saya. Mereka ada 7, dan yang 7 itu mempunyai 7 yang lainnya dan saya melihat, tidak terhitung lagi jumlahnya! Tapi Tuhan telah menyucikan saya dari semua roh jahat itu.

Dia juga menunjukkan masa depan. Dia menunjukkan Dunia, apa dan bagaimana perkara akan berlaku. Penglihatan yang saya perolehi ialah perkara yang terjadi sekarang sehingga pengangkatan nanti. Dia tidak menunjukkan pengangkatan namun Dia menunjukkan perkara yang berlaku sebelum itu. Kita semakin mendekat saat itu setiap hari, dan saya mengatakan di sini

kepada anda, bahawa pengangkatan itu dekat! Anda haruslah memeriksa diri anda, hidup anda dan menanyakan kepada diri sendiri, “*Adakah saya telah bersedia untuk pergi kepada Tuhan?*” Tuhan telah menunjukkan semua perkara ini namun Dia memerintahkan saya agar tidak memberitahu sesiapa, tapi menunggu dan melihat bahawa penghujung telah dekat. Saya tidak akan memberitahu kalian apa yang saya telah lihat kerana saya pun tidak mahu mencobai Tuhan. Cuma apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah hari pengangkatan akan tiba tidak lama lagi.

Saya membaca [Yoel 2:28](#), ini merupakan salah satu nubuat yang terakhir, semuanya telah digenapi. Nubuat ini belum digenapi, dan sekarang ia sedang digenapi. Ramai anak-anak muda sedang bangkit dan memberitakan Firman Tuhan. Iblis ingin membuat anak-anak muda sebagai tenteranya, namun Tuhan lebih lagi berkuasa. Sekiranya anda menerima Tuhan dan ingin melayani-Nya, maka Dia akan memberikan anda kuasa untuk mengalahkan iblis, agar anda dapat memberitakan Firman di merata dunia, seperti yang diperintahkan oleh-Nya di dalam Alkitab.

Dia memberitahu saya bahawa saya mempunyai satu misi, iaitu menyampaikan penglihatan ini kepada anak-anak muda. Seandainya pun saya tidak mahu melakukannya, ini merupakan perintah yang diberikan oleh Tuhan kepada saya, dan saya harus memenuhinya.

Apabila saya kembali ke jasad, saya bangun dan mendapati diri saya berada di Hospital. Saya melihat di sekeliling saya terdapat jarum-jarum di lengan, alatan memeriksa denyutan jantung dan tiub-tiub. Kemudian kedua-dua orang tua saya masuk ke dalam bilik, lalu saya mula menangis. Mereka kelihatan amat marah, namun Tuhan telah mengarahkan saya agar memberitahu mereka segalanya, maka itulah yang saya lakukan. Saya menceritakan segalanya kepada mereka.

Kemudian jururawat masuk dan menyatakan kepada kami bahawa mereka amat merisaukan keadaan saya. Dia menyatakan bahawa saya telah pergi dan kembali, kemudian pergi lalu kembali lagi. Saya tidak sedarkan diri kemudian sedar semula. Hal ini berlaku sebanyak 3 kali. Mereka menyatakan pada satu ketika, saya tidak mahu kembali dan mereka amat risau. Mereka juga menyatakan bahawa buih juga keluar dari mulut saya dan saya meracau-racau.

Pada malam itu juga, ibu saya mengalami mimpi buruk. Anjing kecil yang biasanya tidur dengan saya telah pergi ke bilik orang tua saya lalu mencakar lengan ibu saya untuk membangunkannya. Apabila ibu bangun, dia pergi ke bilik saya dan melihat susunan bantal. Dia menyangkakan yang saya sedang baring di situ, lalu dia kembali ke biliknya. Kemudian dia melihat lampu polis di luar tingkap. Dia menjenguk ke luar dan melihat polis menuju ke rumah. Ibu lalu membangunkan ayah. Polis kemudian mengarahkan mereka menghubungi Balai Polis untuk mengetahui berita tentang saya. Orang tua saya menemukan saya berada di Hospital akibat kemabukan dadah. Pada saat itu, Tuhan berbicara kepada ayah saya agar tidak usah risau, kerana semuanya di dalam tanganNYA. Jadi ayah saya tidak risau lagi. Saya berada di Hospital selama 3 hari.

Seminggu kemudian kami berbual dengan para detektif, mereka menceritakan kejadian pada malam itu. Mereka mengatakan bahawa gadis yang bersama kami pada malam itu juga telah curi-curi keluar dan ayahnya menjadi risau. Dia keluar mencari anaknya dengan memandu sekeliling

namun tidak berjumpa. Jadi dia ke balai polis dan polis mengumumkan kepada kereta-kereta ronda mengenai jenis kereta yang dipandu oleh kawan saya. Ada seorang polis yang telah habis shif pada saat itu sedang berada di seberang jalan di kedai kereta. Dia ingin membeli sebuah kereta terpakai. Dia melilau lalu terlihat kereta yang dicari iaitu kereta kawan saya, lalu dia menghubungi polis.

Apabila polis pergi menyiasat, kereta milik kawan saya itu diletak pada tempat lain, jadi mereka tidak tahu di mana gadis itu berada. Kami berada di bilik hujung pada tingkat 2. Polis muah memulakan dari bilik itu dan berjalan sepanjang koridor memeriksa setiap bilik untuk bertanyakan tuan punya kereta yang di luar. Mereka tidak muah mencari gadis itu, cuma pemilik kereta itu sahaja.

Apabila mereka mengetuk bilik kami, pintu dibukakan dan mereka melihat saya terbaring di atas lantai. Keudian mereka berlalu pergi. Mereka yang saya anggap kawan itu menyangkakan polis itu tidak akan kembali, tapi sebenarnya polis itu pergi mendapatkan ambulans. Kemudian, polis lain datang untuk melihat keadaan saya. Apabila mereka membuka pintu, pada saat itu, orang yang saya sangkakan sahabat itu sedang ingin memperkosa saya. Namun Tuhan telah menggunakan polis untuk menghentikan semua itu, dan mereka tidak sempat melakukan apa-apa terhadap saya. Itulah sebabnya saya bersyukur pada Tuhan, kerana rahmat-Nya pada saya.

Begitu juga doa-doa kedua orang tua saya. Saya tujukan kepada ibu bapa. Jangan sesekali berhenti untuk mendoakan anak anda. Sekiranya mereka tidak berjalan seiring dengan Tuhan, terus mendoakan untuk mereka, janagn putus asa. Kedua-dua orang tua saya tidak berputus asa, lihatlah di mana saya sekarang, sedang memberitakan Firman Tuhan; berpesan kepada orang-orang muda agar tampil untuk melayani Tuhan, kerana mereka perlukan-Nya.

Inilah pesan yang ingin saya sampaikan kepada golongan muda, saya muah anda berfikir tentang anda sendiri dan selidiki diri anda. Fikirkan, kenapa saya harus peduli tentang kata-kata orang terhadap saya. Saya selalu memikirkan tentang apa orang akan katakan mengenai saya. Namun sekarang saya sedar yang mereka tidak kisah satu apa pun terhadap saya. Mereka tidak akan berada bersama saya apabila saya berhadapan dengan Tuhan. Saya masih ingat semasa saya di hadapan Tuhan dulu, tiada rakan saya menolong saya, keluarga saya tidak menolong saya, pastor saya, gereja saya tiada di sana untuk menolong saya. Saya di sana bersendirian, dan saya harus mempertahankan diri saya sendiri. Di hadapan-Nya, anda tidak dapat berdusta, kerana Dia amat kudus. Saya berasa saya tidak layak berada di sana, kerana saya di dalam dosa dan Syurga itu kudus.

Saya menyatakan hari ini, sekiranya anda belum menerima Tuhan Yesus, terimalah Dia hari ini. Ini merupakan keputusan yang amat penting dalam segenap hidup anda. Saya menceritakan ini bukan bertujuan untuk menakut-nakutkan anda agar masuk Syurga, tapi agar anda dapat melihat rahmat, kasih-Nya untuk kita semua. Dia Bapa, telah mengutus Anak-Nya agar mati untuk kita. Jad setiap titis darah yang tercurah akan mencuci semua dosa kita. Seandainya anda muah menerima Tuhan, ia merupakan keputusan terpenting dalam hidup anda. Datanglah kepada Tuhan, jangan pedulikan apa yang orang lain akan katakan terhadap anda.

Sekiranya anda ingin melayani Tuhan, lakukanlah dengan sepenuh hati, jangan di mulut sahaja tapi dalam segenap hati dan fikiran. Janganlah risau tentang masa depan, risaulah untuk hari

ini, sebab anda tidak akan tahu bila anda akan mati. Saya hanya 15 tahun dan tidak pernah terlintas dalam fikiran yang saya akan mati pada usia 15 tahun, tidak pernah.

Tapi kamu harus fikirkan tentang itu. Hidup saya bukanlah milik saya, hidup anda bukanlah juga milik anda. Kita hanya meminjam nyawa kita dari Tuhan. Kita sambil lewa sahaja dengan pergi ke dunia, melakukan perkara keduniaan. Dunia amat mengasyikkan, tapi Tuhan memberikan perkara yang lebih mengasyikkan. Dunia memberikan neraka dan kematian, tapi Tuhan memberikan kehidupan kekal. Kehidupan kekal untuk selama-lamanya.

Saat ini sekiranya anda ingin menerima Tuhan, saya mahu anda tunduk dan pejamkan mata, *"Tuhan, dalam nama Yesus aku datang pada-Mu. O Tuhan Allahku pada saat ini aku ingin menerima-Mu sebagai Juruselamatku, aku mahu Kau datang ke dalam hidupku. Seperti saudari itu telah nyatakan dalam kesaksiannya yang Neraka itu nyata, dia telah ke sana. Tuhan Allahku, aku tidak mahu ke sana, aku tidak mahu berfikir untuk berada di sana. Tuhan Allahku, aku memohon agar menganunkanku atas segala dosa yang telah kuperbuat. Ampuni aku atas segalanya. Semua dosa yang terkecil dan tersembunyi, Tuhan Allahku, akanku tunjukkan pada-Mu agar Kau mengampuni semuanya. Tuhan Allahku, aku percaya Kau mati di kayu salib dan Kau bangkit dari kematian. Aku percaya Kau akan datang ke dalam hatiku dan Kau akan bertakhta di hatiku dan tinggal dalam hatiku. Aku akan membaca FirmanMu, dan berada dalam FirmanMu. Aku akan ke Gereja, ya Tuhan Allahku kerana aku tahu kau ada di Gereja. Kau pernah berkata bila ada dua atau tiga orang berkumpul bersama, Kau akan berada di sana. Tuhan Allahku aku mahu berada di mana Kau berada. Aku berdoa semua ini dalam nama Yesus, Amen.*

Sekiranya anda telah berdoa doa ini, saya ingin mengucapkan selamat datang ke dalam Kerajaan Syurga. Sekarang anda mempunyai saudara-saudara dari seluruh dunia. Inilah keputusan terpenting yang telah anda pilih jadi janganlah menyalahgunakannya. Janganlah kembali ke dunia. Dunia itu menuju kepada kematian, tapi Tuhan membimbang kepada kehidupan kekal. Sekiranya kesaksian ini telah menyentuh hati anda, kongsikan kepada rakan anda, agar mereka juga menerima Tuhan masuk ke dalam hati mereka. Jangan biarkan masa berlalu, kerana ini mungkin masa terakhir anda.

Neraka itu Nyata, Saya Telah Ke Sana!

oleh *Jennifer Perez*